kepadanya dan tuduhan Mahkahmah Anak Negeri mencampur tangan dengan meminda sesuatu keterangan seperti ini sangatlah keterlaluan dan tidak munkin terjadi dengan tiada bukti-bukti menyokong sangkaan pehak merayu itu.

MAHKAMAH RAYUAN ANAK NEGERI.

Mohamed Yusoff H. (Yang di Pertua) (memberi keputusan Mahkamah): Rayuan ini mengenai tuntutan ke atas tiga ekor kerbau yang di miliki oleh Lasa, pehak merayu. Kenyataan-kenyataan yang ada menunjukkan bahawa, asalnya kerbau-kerbau itu ialah kepunyaan Musa bin Sasek iaitu ayah kepada Satiah, pehak menentang. Lasa, pehak merayu ialah saudara kepada Musa dan bapa-saudara kepada Satiah.

Saksi-saksi menerangkan bahawa setelah Musa meninggal dunia, Lasa telah menangkap ketiga-tiga ekor kerbau itu daripada paun dan dimilikinya. Satiah menuntut kerbau-kerbau itu sebagai warisan daripada bapanya. Lasa menolak tuntutan itu dengan mengatakan bahawa kerbau-kerbau itu telah di beli olehnya, seekor daripada seorang bernama Perali dan dua ekor lagi daripada Gador. Kerbau-kerbau itu mempunyai tanda di telinga masing-masing bagaimana keterangan Perali bin Ahmad dan Gador bin Tamin di hadapan Mahkamah Anak Negeri. Menurut keterangan Ketua Kampong Haji Manaf bin Imam pula, beliau sendiri telah melihat tanda di telinga kerbau Musa bin Sasek semasa Musa belum meninggal dunia dan tanda-tanda itu bersamaan dengan tanda-tanda yang ada pada kerbau-kerbau itu sekarang.

Mahkamah Anak Negeri telah menangguhkan pembicaraan untuk melihat tanda-tanda yang ada pada kerbau-kerbau yang dituntut itu. Pada pendapat mereka tanda-tanda pada kerbau-kerbau itu ialah bersamaan dengan tanda kerbau Musa bin Sasek dan berlainan daripada tanda-tanda yang dinyatakan oleh Perali dan Gador. Dengan berpendapat begitu mereka telah memberi keputusan supaya kerbau-kerbau itu di kembalikan oleh Lasa kepada Satiah binti Musa. Rayuan Lasa kepada Pegawai Daerah Papar untuk ulangbicara telah di tolak dan keputusan Mahkamah Anak Negeri disahkan olehnya pada 27hb June 1974.

Semasa mengemukakan rayuan ini Lasa, pehak merayu menerangkan bahawa pada sangkaannya Mahkamah Anak Negeri telah meminda tanda-tanda yang ada pada kerbau-kerbaunya supaya kelihatan serupa dengan tanda-tanda yang terdapat pada kerbau-kerbau Musa.

Pada pendapat Mahkamah ini keputusan Mahkamah Anak Negeri adalah menasabah dengan nyataan-nyataan yang di-kemukakan kepadanya dan tuduhan Mahkamah Anak Negeri mencampur tangan dengan meminda sesuatu keterangan seperti ini sangatlah keterlaluan dan tidak mungkin terjadi dengan tiada bukti-bukti menyukong sangkaan pehak merayu itu.

Dengan pendapat demikian kami tolak rayuan ini dan kami sahkan keputusan Pegawai Daerah Papar menolak permohonan ini. Pehak merayu hendaklah membayar semua belanja perbicaraan dalam Mahkamah ini dan Mahkamah Anak Negeri juga.

Rayuan ditolak.

MANOHARAN lwn. PENDAKWA RAYA

[Bidangkuasa Jenayah (Wong Kim Fatt P.K.) Mac 4hb. 1982]
[Seremban — Permohonan Jenayah Bil. 6 Tahun 1981]

Undang-Undang dan Acara Jenayah — Rayuan — Permohonan melanjutkan masa untuk memfailkan petisyen rayuan — Fakta penting harus disebutkan secara jujur dan penuh untuk menyokong permohonan — Kemungkinan kejayaan rayuan — Keadilan hakiki — Kanun Acara Jenayah, ss. 307(iv) dan 310.

Di dalam kes ini pihak pemohon telah dithabitkan kesalahan serta dihukum di bawah seksyen 419 Kanun Keseksaan menjalani hukum penjara selama 18 bulan. Dia telah memfailkan notis rayuannya di dalam masa yang diperuntukkan akan tetapi tidak memfailkan petisyen rayuan dalam masa yang diperuntukkan oleh seksyen 307(iv) Kanun Acara Jenayah. Dia telah memohon masa itu dilanjutkan. Alasan yang diberi ialah petisyen itu telah tersilap dihantar ke Mahkamah Tinggi dan bukan kepada Mahkamah Majistret.

Diputuskan: (1) memberikan kebenaran melanjutkan tempoh bukanlah sesuatu hak tetapi ia adalah tertakluk kepada budibicara Mahkamah;

(2) Di dalam kes ini pemohon di dalam affidavit menyokong permohonannya tidak menjelaskan fakta material secara jujur dan penuh. Sebetulnya apabila petisyen itu dihantar kepada Mahkamah Tinggi tempoh untuk memfailkan petisyen rayuan itu telah luput akan tetapi ini tidak disebut di dalam affidavit itu;

(3) tidak ada sebarang alasan atau asas diberikan di dalam affidavit tersebut sebagai alasan mengapa dan kenapa ada kemungkinan pemohon akan berjaya di dalam rayuannya sekiranya petisyen rayuannya difailkan di dalam masa yang ditetapkan;

(4) permohonan ini adalah tanpa sebarang kemungkinan kejayaan dan permohonan harus ditolak.

Kes rujukan:-

(1) *Veerasingam* v. *Public Prosecutor* [1958] M.L.J. 76, 79.

PERMOHONAN JENAYAH.

S. Seeralan bagi pihak pemohon.

Balia Yusof bin Wahi, Timbalan Pendakwa Raya, bagi pihak menentang.

Wong Kim Fatt P.K.: Ini adalah satu permohonan dari pemohon bernama Manoharan ("pemohon") untuk melanjutkan tempoh memfailkan petisyen rayuan. Pemohon telah didakwa di Mahkamah Mejisteret, Seremban, dengan kesalahan menipu seorang bernama Suppiah dengan menyamar sebagai seorang pegawai polis. Dia mengaku salah diatas dakwaan itu dan dithabitkan serta dihukum di bawah seksyen 419, Kanun Keseksaan, menjalani hukum penjara selama 18 bulan pada 3hb September, 1981. Dia telah memfailkan notis rayuannya bertarikh 9hb September, 1981, di dalam tempoh rayuan pada 11hb September, 1981, menurut peruntunkan seksyen 307, Kanun Acara Jenayah ("Kanun").

Perkara-perkara yang melibatkan kepada permohonan ini bolehlah dicerita dengan ringkas seperti berikut. Pada 23hb September, 1981, Pendaftar Mahkamah Sesyen, Seremban, telah menghantar nota-nota keterangan dan alasan-alasan hukuman dengan surat berdaftar (bertarikh 23hb September, 1981) kepada peguamcara bagi pihak pemohon di Kuala Lumpur dan memanjangkan surat salinannya kepada Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah ini. *Surat tersebut* diterima oleh peguamcara itu pada 25hb September, 1981. Ia memberi amaran kepada peguamcara itu supaya memfailkan petisyen rayuan dalam tempoh

10 hari daripada tarikh penerimaan sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 307(iv) Kanun. Tempoh 10 hari tersebut berakhir pada 5hb Oktober, 1981. Tetapi peguamcara pemohon telah menghantar dengan surat berdaftar bertarikh 13hb Oktober, 1981, petisyen rayuan bertarikh 12hb Oktober, 1981, kepada Mahkamah Tinggi, Seremban, dan tidak ke Mahkamah Mejisteret, Seremban, seperti yang diperuntukkan oleh seksyen 307(iv) Kanun. Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi tersebut menerima petisyen itu pada 19hb Oktober, 1981, dan dengan sertamerta memulangkannya dengan pos kepada peguamcara itu di Kuala Lumpur. Pada hari yang sama, Pendaftar Mahkamah Sesyen dengan surat berdaftar memberitahu peguamcara pemohon bahawa petisyen rayuan telah tidak difailkan dalam masa yang ditetapkan dan oleh kerana itu rayuan tersebut dianggap telah ditarik balik. Peguamcara pemohon kemudiannya mengemukakan permohonan ini, disokong dengan affidavit (bertarikh 11.11.81) oleh peguambela di Kuala Lumpur untuk suatu perintah melanjutkan masa memfailkan petisyen rayuan tersebut.

Peguambela tersebut telah menunjukkan kelakuan tidak bersopan kepada Mahkamah ini dengan tidak hadir sebanyak tiga kali pada 10hb Disember, 1981, 12hb Januari, 1982 dan 4hb Februari, 1982 dengan tidak memberi apa-apa sebab atau kemaafan. Bila permohonan ini didengar untuk kali keempat pada 4hb Mac, 1982, Encik S. Seeralan dari Seremban hadir sebagai peguambela bagi pihak pemohon menggantikan peguambela sebelumnya, yang telah menyerahkan fail-fail kepada Encik S. Seeralan. Dalam menjawab pertanyaan saya, pemohon tidak dapat memberi penjelasan mengapa peguambela yang terdahulu telah tidak hadir sebanyak tiga kali. Dalam memberi peluang yang saksama kepada Encik Seeralan, saya ingin menerangkan bahawa affidavit yang berkenaan bukanlah affidavitnya dan firmanya tidak bertindak sebagai peguamcara pemohon.

Sungguhpun pemohon telah kehabisan tempoh untuk memfailkan petisyen rayuannya dan oleh sebab kelewatannya atau peguamnya, rayuan pemohon dianggap ditarik balik dibawah seksyen 307(ix) Kanun, dia masih berhak di bawah undang-undang untuk membuat permohonan ke Mahkamah Tinggi untuk melanjutkan masa memfailkan petisyen tersebut di bawah seksyen 310 Kanun, yang berbunyi seperti berikut:

"310. A judge may on the application of any person desirous of appealing who may be debarred from so doing upon the ground of his not having observed some formality or some requirement of this Code, permit an appeal upon such terms and with such directions to the Magistrate and to the parties as such judge shall consider desirable, in order that substantial justice may be done in the matter."

Definisi "substantial justice" tidak diberi dalam Kanun. Istilah itu memang sukar diberi definisi yang memuaskan. Thomson C.J. tidak juga memberi definisinya selain daripada memberi suatu panduan praktik berikut dalam kes *Veerasingam* v. *Public Prosecutor*[1] di ms. 79:

"Excessive didacticism is a judicial sin which may easily give rise to a great deal of unnecessary litigation. In the proceedings it is not for us to lay down any rule as to how the powers of the court under section 310 are to be invoked. The ordinary way of doing so is clearly by notice on motion though that would always be subject to such directions as the judge might give in terms of the section. Nor would we attempt any definition of what is substantial justice beyond suggesting in this connection that substantial justice is done when a rightful conviction is upheld and a wrongful one is quashed."

Sebelum Mahkamah menggunakan kuasa budibicaranya untuk melanjutkan tempoh tersebut, pemohon hendaklah memuaskan Mahkamah bahawa terdapat merit-merit untuk berbuat demikian yang mana keadilan substantial boleh dilakukan. Affidavit pemohon atau peguambela dan peguamcaranya yang menyokong permohonan hendaklah menjelaskan fakta penting (material facts) secara jujur dan penuh bagi menjelaskan mengapa petisyen tidak dapat difailkan dalam jangkamasa yang tertentu. Tiada sebarang fakta material boleh disembunyikan. Di dalam permohonan ini, perenggan 4 dan 5 affidavit oleh peguambela Kuala Lumpur tersebut cuba menjelaskan kelewatan tersebut di dalam perkataan begini:

"4. Petition of Appeal was wrongly [sent] by Express A.R. Registered to the High Court Seremban with a covering letter dated October 13, 1981.

5. I crave leave to refer to the petition which was due to a clerical mistake and oversight wrongly sent to the High Court instead of the Magistrate's Court."

Seseorang yang membaca perenggan tersebut dengan tidak merujuk kepada fail rayuan (Criminal Appeal No. 57/81) Mahkamah ini nampaknya tentulah memikirkan bahawa pada 13hb Oktober, 1981, dan boleh jadi pada 19hb Oktober, 1981, pemohon masih di dalam tempoh untuk memfailkan petisyen rayuannya kiranya tidak kerana 'clerical mistake' (kesilapan kerani) dalam mengirimkan dokumen-dokumen tersebut ke Mahkamah Tinggi, manakala kedudukan sebenarnya ialah tempoh tersebut telah pun luput pada 5hb Oktober, 1981, suatu fakta yang tidak disebut di dalam affidavit itu.

Di dalam permohonan seperti ini, pemohon hendaklah juga memuaskan Mahkamah dengan keterangan dalam affidavit bahawa terdapat merit di dalam rayuan pemohon menunjukkan terdapat kemungkinan atau probabiliti yang ia akan berjaya di dalam rayuan, jikalau ia tidak terhalang daripada merayu kerana kelewatannya. Berhubung dengan merit rayuannya, peguambela Kuala Lumpur tersebut menyebut dalam perenggan 6 affidavitnya:

"6. I verily believe that the appellant has good grounds to succeed on appeal and it would be a serious wrong and a grave injustice to deny the appellant the opportunity to present his appeal after he has duly filed his Notice of Appeal."

Tidak ada sebarang alasan atau asas diberikan di dalam affidavit tersebut sebagai alasan mengapa dan kenapa pemohon ada probabiliti, walaupun tidak semestinya, akan berjaya di dalam rayuannya sekiranya petisyen rayuannya difailkan di dalam masa yang dijadualkan. Tiada merit terdapat dalam salinan rayuan yang dikembarkan dengan affidavit sokongan itu. Di bawah seksyen 419, Kanun Keseksaan, hukuman penjara maksima ialah tiga tahun. Maka Mejisteret tidak melebehi bidang kuasanya bila beliau menjatuhkan hukuman penjara sepanjang 18 bulan. Perenggan 6 affidavit itu nampaknya menganggap bahawa Mahkamah terpaksa dalam semua keadaan memberikan perintah melanjutkan masa tanpa menimbangkan sebarang merit bagi mengelakkan daripada dianggap melakukan "a serious wrong and a grave injustice" (kesalahan berat dan ketidakadilan

besar). Saya sepatutnya menunjukkan juga bahawa alasan-alasan bagi kelewatan yang diberikan di dalam perenggan 4 dan 5 affidavit itu bukanlah alasan sebenarnya. Tidak ada alasan atau penjelasan diberi dalam affidavit tersebut, atau oleh pemohon pada pembicaraan permohonannya, kenapa petisyen tidak dapat difailkan di dalam tempoh pada 5hb Oktober, 1981. Memberikan kebenaran melanjutkan tempoh bukanlah sesuatu hak tetapi ia adalah tertakluk kepada budibicara Mahkamah. Setiap kes hendaklah dihakimi atas meritnya yang tersendiri.

Di dalam kedudukan kes ini, saya berpendapat bahawa permohonan ini adalah tanpa sebarang merit dan permohonan ini ditolak.

Permohonan ditolak.

Peguamcara: *D.P. Vijandran Associates.*

PENDAKWA RAYA lwn. ISMAIL BIN BAKI DAN LAIN-LAIN

[Rayuan Jenayah (Wong Kim Fatt P.K.) Mac 25hb. 1982]
[Seremban — Rayuan Jenayah Bil. 24 Tahun 1981]

Undang-Undang dan Acara Jenayah — Kuasa Majistret membebas dan melepaskan orang yang dituduh sebelum pihak pendakwa menyelesaikan kes dakwaannya — Bidang-kuasa Majistret — Kanun Keseksaan, s. 458 — Kanun Acara Jenayah, s. 173(f) dan (g).

Di dalam kes ini orang yang dituduh telah dituduh di bawah seksyen 458 Kanun Keseksaan. Magistret yang ariff telah melepaskan dan membebaskan orang yang dituduh di bawah seksyen 173(g) Kanun Acara Jenayah sebelum pihak pendakwa menyelesaikan kes dakwaannya. Pihak pendakwa telah merayu terhadap perentah Majistret itu.

Diputuskan: (1) oleh kerana di bawah seksyen 458 Kanun Keseksaan had maksima hukuman penjara yang boleh dikenakan ialah 14 tahun, Majistret Kelas Pertama tidak mempunyai bidangkuasa membicarakan kesalahan itu;

(2) Magistret yang ariff bagaimanapun tidak boleh membebaskan orang yang dituduh di bawah seksyen 173(g) Kanun Acara Jenayah;

(3) dalam keadaan kes ini perintah membebas dan melepaskan oleh Magistret tersebut adalah salah di sisi undang-undang dan mesti diketepikan. Ketiga-tiga responden hendaklah dibicarakan semula di hadapan Majistret atau Yang di Pertua lain sebagaimana yang sepatutnya.

Kes yang dirujukan:-

(1) *Soo Sing* v. *Public Prosecutor* [1951] M.L.J. 143.

Balia Yusof bin Wahi, Timbalan Pendakwa Raya bagi pihak merayu.

Abu Hashim bin Haji Abu Bakar bagi pihak menentang.

Wong Kim Fatt P.K.: Ini adalah satu rayuan oleh Pendakwa Raya terhadap perintah Mejisteret Jelebu, membebaskan dan melepaskan ketiga-tiga responden dibawah seksyen 173(g), Kanun Acara Jenayah, sebelum pihak pendakwa menyelesaikan kes dakwaannya (close of prosecution case).

Ketiga-tiga responden pada asalnya dituduh di Mahkamah Mejisteret di Jelebu dibawah seksyen 457, Kanun Keseksaan. Pada 13hb April, 1981, pihak pendakwa telah mengemukakan tuduhan yang dipinda terhadap ketiga-tiga responden bersama-sama. Tuduhan yang dipinda tersebut berbunyi seperti berikut:

"That you on July 4, 1979 at about 10.00 p.m. at Kampong Kuala Klawang, in the District of Jelebu, in the State of Negeri Sembilan, committed lurking house trespass by night in order to the committing of an offence punishable with imprisonment to wit by voluntarily causing hurt to one Mokhtar bin Zainon NRIC 5292681(B) and that you have thereby committed an offence punishable under section 458 of the Penal Code to be read together with section 34 of the Penal Code."

Ketiga-tiga responden tersebut tidak dibela oleh peguambela. Tuduhan yang dipinda tersebut telah dibaca dan diterangkan kepada mereka dan mereka minta dibicarakan.

Di bawah seksyen 458, Kanun Keseksaan, had maksima hukuman penjara yang boleh dikenakan ialah 14 tahun. Dibawah seksyen 85, Akta Mahkamah Rendah (Disemak 1972) 1948, seseorang Mejisteret Kelas Pertama mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan sebarang kesalahan dimana had penjara maksima yang diuntukkan oleh undang-undang tidak melebihi 10 tahun. Oleh kerana itu nyatalah Mejisteret tersebut tidak mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan kes ini yang sepatutnya hendaklah dibicarakan oleh seorang Presiden Mahkamah Sesyen. Had bidangkuasa jenayah Mejisteret tersebut tidak dibawa kedalam perhatian beliau oleh pegawai pendakwa. Dan tidak juga Mejisteret tersebut memikirkan soal ini apabila beliau memutuskan hendak membicarakan kes ini. Mengikut alasan-alasan keputusan beliau, beliau menyedari kesilapan ini hanya apabila kes tersebut telah selesai. Saya fikir jikalau beliau menyedari bahawa beliau tidak mempunyai bidangkuasa sebelum beliau membuat perintah tersebut, beliau hendaklah melepaskan ketiga-tiga responden dan memerintahkan kes ini dibicarakan semula di Mahkamah Sesyen. Diatas persoalan bidangkuasa sahaja, perbicaraan tersebut adalah satu nullity. Persoalan seterusnya berkaitan dengan seksyen 173(g), Kanun Acara Jenayah, yang berbunyi seperti berikut:

"173. The following procedure shall be observed by Magistrates in summary trials:

....

(g) Nothing in paragraph (f) shall be deemed to prevent the court from discharging the accused at any previous stage of the case if for reasons to be recorded by the court it considers the charge to be groundless."

Adalah menarik untuk diperhatikan bahawa Mejisteret berkenaan yang bertindak dibawah seksyen 173(g) tidak hanya melepaskan ketiga-tiga responden, tetapi membebaskan juga mereka sebelum pihak pendakwa menyelesaikan kes dakwaannya. Beliau cuba menyokong keputusan beliau di dalam alasan-alasan keputusan beliau dalam kata-kata seperti berikut:

"In both the sections 457 and 458, the prosecution has to satisfy the ingredient 'lurking house trespass'. As I have explained earlier, this has not been satisfied and in that event, I did not hesitate to invoke section 173(g) of the Criminal Procedure Code after PW2, an eye-witness, had given his evidence. The effect of section 173(g) would be to acquit and discharge all the 3 [accused]."

Saya mesti dengan hormatnya tidak bersetuju dengan beliau diatas interpretasi seksyen 173(g). Dibawah seksyen 173(g), kuasa melepaskan (discharge), bukan membebaskan (acquit), seorang yang kena tuduh pada mana-mana peringkat pembicaraan sebelum pihak pendakwa menyelesaikan kes dakwaannya hanya boleh dilakukan jika Mahkamah berpen-